

PWN.Sel.(P) 100-1/ 8/ 4 (5)



Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
Negeri Selangor Darul Ehsan

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

BILANGAN 5 TAHUN 2017

GARIS PANDUAN LANGKAH-LANGKAH MENGURANGKAN PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Jabatan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Kerajaan Negeri Selangor mengenai beberapa inisiatif untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan Negeri sebagai langkah proaktif dalam menghadapi situasi ekonomi semasa yang mencabar dan akan dilaksanakan sehingga prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri kembali pulih.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Keadaan ekonomi serantau dan global masa kini telah memberi kesan kepada kutipan hasil Negeri. Oleh yang demikian, dalam usaha untuk memastikan sumber yang terhad digunakan dengan optimum, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MKKN) ke 26/2017 yang bersidang pada 9 Ogos 2017 dan disahkan oleh MMKN ke 27/2017 pada 16 Ogos 2017 telah bersetuju dengan beberapa cadangan langkah mengurangkan perbelanjaan Kerajaan Negeri.

3.0 CADANGAN LANGKAH-LANGKAH MENGURANGKAN PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI

3.1 HAD PERBELANJAAN PEGAWAI PENGAWAL

3.1.1 **Had kelulusan berbelanja di bawah kuasa Pegawai Pengawal** seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 7 Tahun 2013 **dikurangkan daripada RM500,000.00 kepada RM250,000.00.** Oleh yang demikian, perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melebihi jumlah RM250,000.00 hendaklah mendapat kelulusan berbelanja daripada Pegawai Kewangan Negeri.

3.1.2 Ketetapan ini juga terpakai bagi perolehan yang melibatkan projek-projek dan program-program baru yang telah diperuntukkan di bawah **Vot Pembangunan**.

3.2 **PEWUJUDAN JAWATAN**

Pembekuan sementara bagi pewujudan baru jawatan kontrak kecuali dengan kaedah tukar ganti (*trade off*) dan pindah butiran (*redeployment*) serta tiada implikasi kewangan tambahan.

3.3 **PENGANJURAN PERSIDANGAN/ BENGKEL/ SEMINAR/ MESYUARAT/ KURSUS/ MAJLIS RASMI/ UPACARA KERAIAN**

3.3.1 Pembekuan sementara pelaksanaan persidangan/ bengkel/ seminar/ mesyuarat/ kursus/ majlis rasmi/ upacara keraian di hotel dalam dan luar Selangor **kecuali bagi hotel dan pusat konvensyen milik anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor;**

3.3.2 Walau bagaimanapun, program bermalam digalakkan untuk menggunakan **premis Kerajaan atau premis milik anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor** sama ada dalam

Negeri Selangor dan di negeri bersempadanan dengan Negeri Selangor seperti Negeri Sembilan, Melaka, Genting Higlands (Pahang), Perak, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya tertakluk kepada penyediaan bas Jabatan bagi kemudahan peserta dan seterusnya mengurangkan kos tuntutan perjalanan;

3.3.3 Di antara contoh premis Kerajaan serta premis milik anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang boleh digunakan untuk pelaksanaan program adalah seperti berikut:

- i. Fasiliti di Kediaman Rasmi Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor dan fasiliti di Kompleks Rumah Ahli MMKN;
- ii. Dewan Serbaguna milik Pejabat Daerah/Tanah Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan dan Anak-anak Syarikat;
- iii. Pusat-pusat Latihan milik Kerajaan Negeri;
- iv. Dewan Jubli Perak, Bangunan SSAAS;
- v. Fasiliti di Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam, Bangunan Ibu Pejabat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam dan lain-lain;

3.3.4 Permohonan kelulusan khas bagi cadangan pelaksanaan persidangan/ bengkel/ seminar/ mesyuarat/ kursus/ majlis rasmi/ upacara keraian di luar negeri Selangor perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk tujuan pertimbangan.

3.4 PENGANJURAN MAJLIS RASMI/ UPACARA KERAIAN

3.4.1 Penyediaan pakaian kepada peserta/urus setia bagi program/majlis adalah tidak dibenarkan;

3.4.2 Penglibatan artis dalam program/majlis Kerajaan Negeri adalah ditangguhkan sementara kecuali bagi sambutan perayaan utama anjuran Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, penglibatan artis-artis daripada Jabatan/Agensi di bawah Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah dibenarkan.

3.5 PEMBERIAN CENDERAMATA

Pemberian cenderahati /*doorgift* kepada peserta sesuatu bengkel/ seminar/ mesyuarat/ kursus/ majlis rasmi/ upacara keraian adalah tidak dibenarkan, termasuk bagi majlis-majlis Kerajaan Negeri yang melibatkan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor dan Y.B. Ahli MMKN.

3.6 PERJALANAN DALAM NEGERI

Bagi perjalanan bertugas rasmi yang memerlukan pegawai menaiki kapal terbang, pegawai dibenarkan membuat tuntutan bagi tiket penerbangan yang dibeli secara atas talian daripada syarikat penerbangan atau agensi pelancongan yang menawarkan harga yang lebih rendah dan memberikan penjimatan berbanding menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam.

3.7 PERJALANAN LUAR NEGERI

Tugasan Ke Luar Negara Berkaitan Perolehan Kerajaan yang lazimnya dibuat atas dasar *Factory Acceptance Test* (FAT) dihadkan kepada sekali (1) bagi setiap kontrak dengan dua (2) orang wakil dari jabatan teknikal sahaja.

3.8 PENGGUNAAN UTILITI DAN BEKALAN PEJABAT

3.8.1 Mengurangkan perbelanjaan utiliti seperti elektrik, air dan telekomunikasi di semua premis Kerajaan iaitu termasuk sekolah dan masjid yang di kawal selia oleh Jabatan Agama Islam Selangor, dengan menguatkuasakan peraturan dalaman mengenai perkara ini. Di antara contoh peraturan dalaman yang boleh dikuatkuasakan ialah menutup suis lampu, penyaman udara dan peralatan elektrik yang lain jika tiada penghuni di

premis terutamanya pada waktu rehat. Laporan perbelanjaan utiliti hendaklah dipantau dan dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Jabatan;

3.8.2 Pengawalan penggunaan barang pakai habis seperti alat tulis, kertas, *cartridge* dan sebagainya. Antara usaha penjimatan yang digalakkan adalah penggunaan mel elektronik (e-mel) dan medium elektronik lain dalam operasi harian, perkongsian peralatan pejabat secara gunasama serta mengurangkan perolehan mesin pencetak dengan menggunakan mesin penyalin sebagai mesin pencetak melalui fungsi "*network printer*".

4.0 PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN

4.1 *Variation Order* (VO) tidak dibenarkan tanpa pengesahan peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan tertakluk kepada perkara-perkara yang digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 1 Tahun 2017.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

5.1 Arahan ini berkuat kuasa pada 1 September 2017 dan hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2013. Arahan ini juga tertakluk kepada Surat Arahan Perbendaharaan, prosedur kewangan serta lain-lain peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.


6.0 PEMAKAIAN

6.1 Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Kerajaan Negeri Selangor tertakluk kepada penerimaan oleh Pihak Berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN) D.P.M.S., S.I.S.

Pegawai Kewangan Negeri

Selangor Darul Ehsan

Tarikh : 28 Ogos 2017

Salinan kepada:

- i. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Semua Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Negeri Selangor